

- A** Kenal pasti dan gariskan kata ganti nama diri orang dalam ayat-ayat berikut dan tulis jenis kata ganti nama diri orang di ruangan yang disediakan. Menulis : TP2

Jenis Kata Ganti  
Nama Diri Orang

- 1 Menteri Besar Terengganu akan merasmikan sekolah baharu itu. Beliau akan tiba pada pukul 9.00 pagi.
- 2 "Engkau hendak ke mana malam-malam begini?" tanya emak kepada abang.
- 3 Mereka akan bertolak ke Pulau Redang apabila matahari terbit.
- 4 "Kami akan menyiapkan kerja ini sebelum pukul 5.00 petang," kata Munirah dan Siti kepada Azlina.
- 5 Chong Seng demam dan batuk-batuk. Dia disahkan menghidap COVID-19.
- 6 Lima orang penjenayah itu berjaya ditangkap oleh pihak polis. Mereka akan dihadapkan ke mahkamah.
- 7 "Beta akan berangkat ke Negara Pura esok pagi," titah Sultan Nazrin.
- 8 Saudara dan saudari sekalian diminta memenuhi tempat duduk di bahagian depan kerana masih banyak lagi tempat duduk yang kosong.
- 9 Anda dikehendaki menjawab soalan berdasarkan arahan yang telah disediakan pada kertas soalan.
- 10 Dalam pertandingan bercerita yang dianjurkan itu, saya telah mendapat tempat ketiga.
- 11 "Kalian perlu beratur sebelum pergi ke dewan sekolah," kata ketua kelas kepada rakan-rakan.
- 12 "Segala titah tuanku akan patik laksanakan dengan segera," kata hulubalang kepada Sultan Azlan.